

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
 PENOLONG PEGAWAI SAINS C29 KONTRAK
 DI PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) , UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di Makmal i-CRIM, UKM bagi jawatan **PENOLONG PEGAWAI SAINS C29 SECARA KONTRAK** seperti butiran berikut:

I. JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM GRED 29:

Gaji	Minimum	Maksimum
	RM 1,505.00	RM 5,696.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 160.00
	Bantuan Sara Hidup (BSH)	RM 350.00
Taraf Jawatan	Kontrak (Kontrak setahun ke setahun tertakluk kepada prestasi)	

II. SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,505.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,782.91); atau

- (iii) Diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,858.12).
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN KHUSUS DALAM:

Pihak Makmal i-CRIM memerlukan calon yang:

- a) Berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang elektron mikroskopi.
- b) Berkebolehan dalam membantu untuk merancang, menyelaras dan mengurus operasi makmal.
- c) Berpengetahuan dalam kerja-kerja pengurusan (perolehan, aset, dan inventori).

IV. CARA MEMOHON:

- a) Menulis surat permohonan dengan mengemukakan **Latar Diri lengkap dengan sijil/dokumen berkaitan yang disahkan** dan dialamatkan kepada **Timbalan Pengarah (Infrastruktur dan Instrumentasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), Aras 2, Kompleks Penyelidikan Lingkungan Kedua, 43600 UKM, Bangi, Selangor.**
- b) Calon-calon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga secara dalaman di CRIM .
- c) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Pejabat
Timbalan Pengarah (Infrastruktur dan Instrumentasi)
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)
Aras 2, Kompleks Penyelidikan Lingkungan Kedua
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor

No. Tel Pejabat: 03-89118515/8514
Emel : tpicrim@ukm.edu.my

Tarikh Buka Iklan : 14 September 2020 (Isnin)
Tarikh Tutup Iklan: 27 September 2020 (Ahad)

